

01/07/1998

Kempen kesedaran ke arah celik IT

MATLAMAT ke arah mewujudkan masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan teknologi maklumat (IT) menjadikan Kempen Kesedaran IT sebagai platform terbaik memangkinkan matlamat itu.

Kempen yang dilancarkan tahun lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ia sudah membabitkan empat negeri iaitu Kedah, Selangor, Perak dan Johor, yang mana hasilnya begitu menggalakkan.

Sasaran kerajaan dengan pengenalan kempen itu berupaya mencelikkan masyarakat terhadap kepentingan IT akan tercapai berdasarkan pembabitan syarikat utama komputer di samping mengetengahkan teknologi terkini buat tontonan segenap lapisan masyarakat.

Penumpuan kempen umumnya disasarkan kepada pengguna biasa terutama di luar bandar supaya mereka terdedah sebaik mungkin dengan teknologi itu sejajar dengan usaha Kerajaan membentuk Koridor Raya Multimedia (MSC).

Walaupun negara mengalami masalah ekonomi kempen itu tetap diteruskan sebagaimana perancangan dan ia diberi jaminan oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Penerangan, Jamal Salimin.

Ini berdasarkan sambutan dan kerjasama yang menggalakkan daripada pihak terbabit seperti syarikat swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO) khususnya di empat lokasi kempen yang dilaksanakan sebelum ini.

Apa yang pasti, walaupun pemotongan perbelanjaan kempen terpaksa dilakukan kerajaan, ia tetap berjaya berdasarkan kerjasama dan sokongan berterusan pihak berkenaan.

Berdasarkan inisiatif itu berserta sambutan masyarakat, kerajaan mampu menyimpulkan bahawa masyarakat kini sudah menyedari kepentingan IT dan ingin menikmati faedah daripada penggunaannya.

Bagi memastikan kesinambungan kempen itu, kerajaan mempertingkatkan usaha dengan menggerakkan jenteranya di semua peringkat sama ada di peringkat negeri atau daerah.

Memandangkan kempen itu akan diadakan di setiap negeri, termasuk Sabah dan Sarawak, hasrat negara sekadar mendedahkan masyarakat dengan teknologi global itu pasti berjaya.

Namun begitu, kempen yang diteruskan sehingga tahun depan mungkin menemui kegagalan dari segi kesedaran apabila persembahan konsep yang sama diadakan tanpa penambahan nilai.

Masyarakat mungkin hanya tertarik untuk tengok, lihat, rasa dan dengar tanpa dapat merasai serapan bahang teknologi itu.

Tambah nilai yang perlu dilakukan ialah sesi latihan atau seminar mengenai komputer dan teknologinya dan tidak tertumpu kepada konsep mempamer dan menjual produk sahaja.

Tiba masanya, pihak terbabit mengubah kemudi kempen itu dengan menumpukan kepada sasaran asal iaitu kesedaran IT bagi manfaat semua.

(END)